

## FAKTOR YANG MEMPENGARUHI RASA TAKUT PELAJAR

<sup>1</sup>Zarina Binti Samin, <sup>2</sup>Khairul Bariyah Bt Masrakin,<sup>1</sup>Abd Rahim Bin Ma'sum

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Ledang

<sup>2</sup>Kolej Bandar Penawar

zarina@kklej.edu.my

khairul\_bariyah.kk@1govuc.gov.my

rahim@kklej.edu.my

### ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini pelbagai isu yang berkaitan dengan masalah psikologi menjadi tumpuan para pengkaji. Isu-isu yang berkait dengan emosi seperti takut, tekanan dan kemurungan sudah menjadi keperluan pada abad ini. Kajian ini bertujuan mengetahui tahap rasa takut pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Selain itu, kajian bertujuan mengetahui faktor ketakutan yang paling dominan dalam kalangan pelajar. Objektif lain kajian ini melihat perbezaan rasa takut dalam kalangan jantina pelajar. Seramai 131 orang pelajar terlibat dalam kajian ini menggunakan responden pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Kajian ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi dari kajian Asmawati (2003). Dapatkan kajian mendapat pelajar berasa takut terhadap keselamatan dan tahap ketakutan pelajar berada pada tahap sederhana. Data kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20. bagi mendapatkan data statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian juga mendapat tidak terdapat perbezaan perasaan takut pelajar lelaki dan perempuan. Diharap kajian ini dapat membantu Bahagian Kebajikan Pelajar Kolej Komuniti khususnya merancang pelbagai program yang boleh memberi keyakinan diri kepada pelajar dan menghilangkan simptom ketakutan pelajar demi mencapai kesejahteraan psikologi pelajar ke arah kesejahteraan manusia.

### 1.0 Pengenalan

Kecemerlangan pelajar berkait rapat dengan kesejahteraan manusia. Kesejahteraan manusia dari sudut psikologi dilihat dari pelbagai aspek termasuklah aspek emosi. Pelajar yang berhadapan dengan masalah psikologi tidak akan dapat menunjukkan prestasi yang tinggi dan berkemungkinan akan membawa kepada masalah-masalah lain yang lebih serius. Justeru, kesejahteraan manusia memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorakkan kehidupan manusia.

Isu kesejahteraan manusia adalah satu isu yang perlu diberi perhatian kerana ianya melibatkan aspek kehidupan manusia. Kajian kesejahteraan manusia dari perspektif psikologi adalah penting kerana ia merupakan ilmu yang membolehkan kita memahami kenapa sesuatu masalah itu timbul, punca-puncanya dan bagaimana kita perlu menangani permasalahan yang berlaku.

Asmawati dan Juriah (2003) dalam Rohany dan Fatimah (2006) menyatakan isu kesejahteraan manusia bagi kelompok remaja yang paling dominan adalah perasaan takut. Faktor yang menyebabkan ketakutan dibahagikan kepada beberapa kelompok iaitu takut kepada binatang, sekolah, fenomena, orang

dan sebagainya. Menurut Ewert (1986) dalam Rohany dan Fatimah (2006) menyatakan bahawa takut merupakan satu bentuk emosi yang menjadi teman kepada manusia yang boleh mengganggu kefungsian seharian individu dan menggugat kesejahteraan manusia. Goldenenson (1970) dalam Rohany dan Fatimah (2006), pula menyatakan takut merupakan reaksi untuk mengenalpasti ancaman yang dicirikan oleh perasaan tekanan, dan dorongan untuk menyelamat diri. Kajian Watson (1920) dalam Rohany dan Fatimah (2006) pula menyatakan bahawa, perasaan ketakutan adalah dipengaruhi oleh pembelajaran. Pengalaman dan pembelajaran semasa kecil mempengaruhi rasa takut sehingga ke alam dewasa.

Berdasarkan kajian oleh Wan Zarina, Azizah, Norfazila dan Nur Al-Huda (2007), mendapat bahawa terdapat permasalahan mengenai perasaan takut oleh pelajar di Malaysia untuk mengambil matapelajaran asing kerana pelajar takut terhadap penilaian negatif bagi subjek berkenaan. Rasa takut pelajar di Malaysia turut dikenalpasti dalam kajian "kesan lawatan lapangan industri terhadap program pemasaran di politeknik : satu tinjauan" oleh Mazlina dan Nek Kamal (2008), di mana dalam kajian tersebut pelajar didapati takut untuk berhadapan dengan alam pekerjaan selepas tamat belajar kerana tidak meyakini kemahiran yang diperolehi. Perasaan takut pelajar di Malaysia turut dinukilkan dalam kajian Yohan, Thana, Khuzaiton, Zakaria dan Wan Muhamad (2012) yang bertajuk "mengapa pelajar takut bertanya dalam kuliah?: sebuah kajian di Universiti Malaysia Kelantan" yang mendapat bahawa mahasiswa takut atau malu untuk bertanya kerana mereka tidak tahu apa yang harus ditanyakan, dan mereka bimbang rakan-rakan mereka berfikir bahawa mereka cuba menunjuk-nunjuk walaupun mereka sedar bertanya dalam bilik kuliah membantu mereka lulus dengan lebih mudah. Berdasarkan Richardson (2004) dalam Jafar Afshinfar, Hassan dan Ali (2012) menyatakan bahawa rasa takut pada diri individu wujud kerana mereka bimbang jika mereka berjaya, orang lain akan marah dan cemburu dengan kejayaan mereka. Hasilnya mereka akan kehilangan kasih sayang dan dorongan.

Kajian di negara barat pelbagai faktor yang mempengaruhi rasa takut pelajar ditemui seperti takut untuk bercakap dengan ibubapa dan guru mengenai masalah peribadi, takut tidak serasi dengan rakan-rakan disekolah, takut dengan gejala buli dan keselamatan, takut dengan tekanan, takut dengan kehidupan selepas tamat belajar, takut dengan keputusan gred yang rendah, takut berkaitan dengan duit dan takut untuk berhadapan dengan ujibakat bagi sesuatu pertandingan (stageoflife.com, 2013). Rasa takut pelajar menyebabkan timbulnya pelbagai masalah, sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Vansteenkiste, Mouratidis dan Lens (2014) yang menyatakan bahawa rasa takut akan kegagalan menyebabkan motivasi dan sikap ingin belajar pelajar terjejas. Ketakutan juga mempunyai hubungan dengan keyakinan diri, dimana menurut Yeung, R. (2008) dalam Farahiyah Murni (2013) menyatakan bahawa setiap apa yang kita buat, fikir dan rasa mempunyai kaitan antara satu sama lain seperti dalam bentuk putaran berterusan. Contohnya seseorang yang merasa takut untuk menghadiri jamuan seorang diri. Individu akan mengambil keputusan untuk duduk di rumah sahaja dimana dia memikirkan dia akan keseorangan untuk selama-lamanya dan membuatkan dia rasa kurang keyakinan serta tidak gembira.

Hubungan ketakutan dengan keyakinan diri turut dinyatakan oleh Lumpkin, A. (2006) dalam Farahiyah Murni (2013) dari konteks bercakap dihadapan orang ramai. Hasil kajian tersebut mendapat, kebanyakannya kita tidak pernah untuk mencuba mengatasi ketakutan bercakap di hadapan orang ramai kerana kita sibuk memikirkan tentang apa yang akan berlaku daripada mencuba untuk melakukannya.

Justeru berdasarkan masalah dan kesan buruk rasa takut pelajar yang dinyatakan, pengkaji merasakan bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi rasa takut dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar.

## 2.0 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini pelbagai persoalan yang timbul berkenaan para pelajar yang melibatkan masalah disiplin, personaliti, akademik dan lain-lain lagi. Manusia sememangnya tidak lari daripada permasalahan. Namun begitu rungutan daripada orang yang signifikan dengan pelajar seperti pensyarah, rakan sebaya dan ibu bapa berkenaan hal ehwal pelajar mengundang tanda tanya.

Beberapa petikan temubual telah dirakam oleh pengkaji mencari data berkenaan maklum balas pensyarah hal ehwal pelajar di Kolej Komuniti sewaktu perhimpunan pagi

Soalan yang diutarakan oleh pengkaji ialah “**Apa pandangan anda tentang respon pelajar terhadap aktiviti persempahan kuiz sewaktu perhimpunan**”. Lazimnya setiap kali perhimpunan pagi di Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) terdapat pelbagai aktiviti yang disusun sebagai acara wajib bagi kelas yang mengendalikan perhimpunan.

### Jawapan Pensyarah 1

Saya hairan mengapa pelajar tidak berani ke depan...jawab je lah soalan ambik hadiah tu..

### Jawapan Pensyarah 2

Alahai....pi keluar baris...jawapan dah ada kan...

### Jawapan Pensyarah 3

Ala budak ni memang takut nak ke depan...

Berdasarkan pemerhatian pengkaji kurangnya maklumbalas pelajar semasa aktiviti perhimpunan pelajar berlangsung. Walaupun pelajar ditawarkan dengan hadiah berupa kewangan, tiada maklumbalas oleh pelajar. Situasi ini mengundang tanda tanya mengapa pelajar KKBp tidak mahu kehadapan. Satu temubual juga telah dilakukan dengan beberapa orang pelajar mencari jawapan mengapa mereka takut untuk ke hadapan menjawab soalan kuiz yang diberikan.

### Jawapan Pelajar 1

Saya takut jawapan saya salah puan, nanti takut kena ejek

### Jawapan Pelajar 2

Saya takut kena marah dengan pensyarah kalau beri jawapan salah

### Jawapan Pelajar 3

Saya memang takut hendak mencuba

### Jawapan Pelajar 4

Saya bila sampai depan je..takut gigil...

Berdasarkan temubual dengan beberapa orang pelajar dan pensyarah pengkaji melihat permasalahan ini dipandang serius kerana akan menyebabkan bakat pelajar terpendam dan tidak dapat digilap. Hasilnya, matlamat penglibatan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa tidak dapat dizahirkan. Atas keperluan isu ini, pengkaji merasakan kajian ini perlu dilakukan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi rasa takut dalam kalangan pelajar di KKBp.

### 3.0 Persoalan Kajian

1. Apakah faktor utama yang dinilai dalam menentukan perasaan takut dalam kalangan pelajar KKBp?
2. Sejauhmanakah tahap perasaan takut dalam kalangan pelajar KKBp?
3. Adakah terdapat perbezaan perasaan takut berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KKBp?

### 4.0 Objektif Kajian

Berikut dinyatakan objektif kajian:

1. Mengenalpasti tahap perasaan takut dalam kalangan pelajar KKBp
2. Menentukan faktor utama perasaan takut dalam kalangan pelajar KKBp
3. Mengenalpasti perbezaan perasaan takut berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar KKBp

### 5.0 Kepentingan Penyelidikan


Berikut merupakan kepentingan kajian ini :

- i. Membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui Bahagian Kebajikan Pelajar Kolej Komuniti merancang aktiviti dan program yang bersesuaian dengan keperluan pelajar.
- ii. Membantu golongan pendidik memahami psikologi pelajar bagi menggunakan pendekatan yang sesuai apabila berhadapan dengan pelbagai kelompok pelajar.
- iii. Sebagai panduan kepada pengkaji lain yang berminat untuk membuat kajian tentang masalah psikologi pada masa hadapan.

## 6.0 Kerangka Kajian

Faktor Ketakutan Pelajar
• Akademik
• Binatang
• Keselamatan
• Kesihatan
• Fenomena

Pemboleh Ubah Bebas (IV)



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Faktor Ketakutan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar

Kajian terhadap faktor ketakutan pelajar KKBP adalah berdasarkan kepada kerangka kerja teorikal yang dibina seperti Rajah 1.1. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah faktor ketakutan pelajar iaitu akademik, binatang, keselamatan, kesihatan, fenomena, orang dan ruang/hantu. Manakala bagi pembolehubah bersandar ialah ketakutan pelajar. Soal selidik kajian ini menghimpunkan perasaan takut mengikut pengelasan faktor seperti dalam kajian Asmawati (2003).

## 7.0 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian tinjauan yang melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan maklumat demografi, bahagian B berkaitan perasaan takut yang diadaptasi dari soal selidik Asmawati dan Juriah (2003).

### 7.1 Responden

Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar KKBP Kementerian Pendidikan. Seramai 131 orang pelajar dipilih secara rawak telah terlibat menjadi responden di dalam kajian ini (dengan merujuk kepada jadual penentu saiz sampel Krejie dan Morgan (1970)).

## 8.0 Dapatan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif (peratus, min sisihan piawai) dan analisis inferensi seperti kaedah ujian T bagi melihat perbezaan. Dapatan kajian akan dibahagikan kepada bahagian berikut:

1. Taburan penyertaan responden.
2. Tahap ketakutan pelajar
3. Faktor utama ketakutan pelajar
4. Perbezaan ketakutan pelajar berdasarkan jantina

### 8.1 Taburan Responden

Kajian ini melibatkan 131 orang pelajar daripada KKBP. Seramai 58 orang pelajar lelaki menyertai kajian. Manakala 73 orang responden terdiri daripada pelajar perempuan.

Jadual 1 menunjukkan taburan pelajar yang menyertai kajian ini. Sebanyak 131 orang pelajar menjadi responden dalam kajian. Pelajar lelaki mewakili 43.6 peratus dan pelajar perempuan 54.9 peratus.

Jadual 1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	58	43.6
Perempuan	73	54.9
Jumlah	131	100.0

### 8.2 Tahap rasa takut pelajar

Kategori bagi tahap ketakutan pelajar terbahagi kepada tiga iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Jadual di bawah menerangkan tentang tahap ketakutan pelajar mengikut nilai tafsiran skor min.

Jadual 2 Tahap ketakutan pelajar mengikut kategori

Kategori tahap	Tafsiran skor min
Rendah	1.00-2.39
Sederhana	2.40-3.79
Tinggi	3.80-5.00

Dapatan kajian mendapati responden mewakili dua tahap iaitu ketakutan kepada akademik, binatang, keselamatan, kesihatan dan orang mewakili kepada tahap ketakutan sederhana. Manakala takut kepada fenomena dan ruang/hantu mewakili tahap rendah. Jadual 2 menerangkan tentang

tahap ketakutan pelajar pelbagai faktor. Hasil dapatan ini menyokong dapatan Yohan, Thana, Khuzaiton, Zakaria dan Wan Muhamad (2012) yang menyentuh tentang ketakutan terhadap pencapaian akademik menyebabkan wujud perasaan takut dalam diri pelajar. Namun begitu ia agak berbeza dengan kajian Mazlina dan Nek Kamal kerana ia menyentuh tentang ketakutan pelajar terhadap alam pekerjaan selepas tamat pengajian lebih dominan bagi graduan politeknik.

Jadual 2 Tahap ketakutan pelajar pelbagai faktor

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1.	Akademik	2.49	Sederhana
2.	Binatang	2.40	Sederhana
3.	Keselamatan	3.05	Sederhana
4.	Kesihatan	2.61	Sederhana
5.	Fenomena	2.39	Rendah
6.	Orang	2.79	Sederhana
7.	Ruang/hantu	2.31	Rendah

### 8.3 Faktor rasa takut pelajar

Dapatan kajian mendapati ketakutan terhadap keselamatan mempunyai nilai yang paling tinggi iaitu 3.05, diikuti oleh ketakutan terhadap orang min 2.79, ketakutan tentang kesihatan min 2.61, ketakutan terhadap akademik min 2.49, ketakutan binatang min 2.40 ketakutan fenomena min 2.39 dan ketakutan ruang / hantu min 2.31. Dapatan kajian ini menyokong kajian Rohany dan Fatimah (2006), yang menyatakan ketakutan akibat reaksi perasaan ingin berada dalam keadaan selamat. Jadual 3 menerangkan faktor ketakutan mengikut kedudukan.

Jadual 3 Faktor ketakutan mengikut kedudukan tertinggi pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar

Bil	Item	Skor Min
1.	Keselamatan	3.05
2.	Orang	2.79
3.	Kesihatan	2.61
4.	Akademik	2.49
5.	Binatang	2.40
6.	Fenomena	2.39
7.	Ruang/hantu	2.31

### 8.4 Perbezaan ketakutan pelajar berdasarkan jantina

Daripada hasil ujian t yang telah dijalankan bagi mengukur perbezaan ketakutan berdasarkan faktor lelaki dan perempuan, dalam kalangan pelajar KKBP didapati juga tidak terdapat perbezaan iaitu lelaki ( $M = 2.15, SP = 7.31$ ) dan perempua ( $M = 2.88, SP = 0.54$ );  $t(125) = 1.08, p > 0.05$ . Maka hipotesis ditolak kerana tidak terdapat perbezaan signifikan ketakutan bagi jantina lelaki dan perempuan. Jadual 4 menerangkan tentang hasil perbezaan item untuk mengukur ketakutan mengikut jantina.

Jadual 4 Hasil perbezaan item yang mengukur perasaan takut berdasarkan faktor jantina

Jantina	N	Min	SP	df	t	Signifikan
Lelaki	58	2.15	0.54	129	-	0.92
Perempuan	73	2.88	0.54	129	7.650	

$p > 0.05$

### 9.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan tahap ketakutan pelajar adalah sederhana. Walaupun ketakutan pelajar berada pada tahap sederhana ia memberi isyarat kepada pihak pengurusan kolej komuniti tentang keperluan menghilangkan rasa takut pelajar ke paras yang rendah dalam situasi yang tertentu.

Hasil kajian ini mendapati faktor ketakutan utama adalah ketakutan terhadap keselamatan berbanding faktor – faktor yang lain. Faktor ketakutan ini perlulah ditangani kerana berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow menyatakan bahawa sekiranya keperluan asas yang merangkumi keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang telah dipenuhi dalam diri seorang individu, keperluan penghargaan kendiri dan kesempurnaan kendiri dapat dipenuhi dan tercapai. Seseorang individu akan lebih yakin pada diri dan seterusnya membina konsep kendiri yang positif. (Azizi dan Norlaily ahmad , 2006).

Hal ini penting kerana ketakutan pelajar boleh mengundang kepada pelbagai masalah psikologi dan menyebabkan pelajar kita akan ketinggalan dalam pelbagai perkara yang melibatkan kecemerlangan dan pengembangan bakat. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan perasaan takut bagi pelajar lelaki dan perempuan di KKBP.

**10. Rujukan**

- Azizi Yahya dan Norlaily binti Ahmad (2006). "Teori – Teori Konsep Kendiri". Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Farahiyah Murni Binti Harun (2013). "Keyakinan Diri Pelajar Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Terhadap ICT."
- Jafar Afshinifar, Hassan Aminpoor dan Ali Mostafaei (2012). "Standardization of Fear of Success Scale in College and High school students". ISSN 0976-1233. Payame Noor University, Tehran, (4287-429)
- Mazlina Jamaludin dan Nek Kamal Yeop Yunus (2008). "Kesan Lawatan Lapangan Industri Terhadap Program Pemasaran di Politeknik : Satu tinjauan".
- Rohany Nasir & Fatimah Omar (2006). "Kesejahteraan Manusia". Universiti Kebangsaan Malaysia
- StageofLife.com Trend Report: Teens Overcoming Fear (2013). Retrieved from <http://www.stageoflife.com/StageHighSchool/WhatDoTeensFear.aspx>
- Vansteenkiste, Mouratidis dan Lens (2014), "Fear of Failure Can Affect Student's Motivation and Attitude to Learn, Study. British Journal of Educational Psychology.
- Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti dan Nur Al-Huda Hashim (2007). "Kajian Tahap Keresahan Di Kalangan Pelajar Bahasa Asing Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing". Universiti Teknologi Malaysia
- Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaition, Zakaria dan Wan Muhamad Wan Abdullah (2012). "Mengapa Pelajar Takut Bertanya Dalam Kuliah? Sebuah Kajian Di Universiti Malaysia Kelantan. Jurnal Personalia Pelajar 15 (2012), (13 – 22)

## **TAMIL PROVERB TRANSLATION TO ENGLISH USING GOOGLE TRANSLATOR**

**Nithiyaa Muniandy<sup>1</sup>, Sathya Manoharan<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>General Studies Department,  
Politeknik Metro Kuala Lumpur

<sup>2</sup> General Studies Department,  
Politeknik Metro Kuala Lumpur

nithiyaa414@gmail.com, sathi\_mano@yahoo.com

### **Abstract**

Machine translation is a system that is vastly used by many people all over the world. Google Translator and Bing translator are the most viral translators found for free in the internet. Ancient rule based method is not effective in the process of finding the real meaning of words. The subject verb agreement in English and Tamil do not tally all the time. Thus, this paper focuses on hybrid method which combines Statistical Machine Translation (SMT) and Hybrid Machine Translation (HMT) to produce efficient Machine translation of Tamil to English. This paper will be the asset for future generation as they are the fundamental for human living. The action of storing all the information in digital enables these documents from destruction and also improves Google Translator's quality and efficiency to next level or next generation.

**Keywords:** Machine translation, Tamil Proverb, English, Corpora, Subject-Verb-Agreement

### **1.0 Introduction**

Machine translation is a process of converting sentences or phrases from its source language to a preferred language for better understanding without any ambiguities. The most famous machine translation providers are Google Translator and Bing translator which work based on Statistical Machine Translation (SMT) method. This paper gives a deep focus on Google Translator with a stress on Tamil Proverb conversion to English. At most of the time Tamil to English translation is not accurate and the machine simply Romanize or rewrite the Tamil words in English if the machine is unable to find the equivalent words in dictionary. This spoils the translation process and makes the meaning unclear or meaningless.

Some of the Tamil words have some uniqueness where two distinct words can be combined as a word. This uniqueness is not found in English language and hence, it is difficult to match corpora for those Tamil words in English. Existing Google Translator is encountering this problem of splitting two combined Tamil words as two distinct words. Therefore, some of the new rules have been developed based on the literature components of Tamil. Two words in English may appear one word in Tamil. Likewise two different Tamil words in Tamil proverbs mostly combined as one word.

To refine the idea, this paper has come up with an idea of combining Statistical Machine Translation (SMT) and Hybrid Machine Translation (HMT) to produce efficient Machine translation of Tamil to English. In the first part, Rule based approach is used. Collection of rules called grammar rules, morphological analysis, part of speech (POS) tagging, bilingual dictionary, source to target transliteration, and reordering rules has been used to refine the translation. In the next part, Statistical Machine Translation (SMT) is used. SMT is used to find the most accurate translation for the input sentence which is also called as decoding process. There are three different Statistical MT approach